

**Untuk Siaran Segera
28 Ogos 2025**

**ASM 2 WAWASAN ISYTIHAR PENGAGIHAN
PENDAPATAN BERJUMLAH RM1.18 BILION**

Pengagihan pendapatan sebanyak 4.75 sen seunit, memanfaatkan lebih daripada 900,000 pemegang unit

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.18 bilion, bersamaan dengan 4.75 sen seunit, untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025.
- Pengagihan pendapatan ini memanfaatkan 983,505 pemegang unit dengan pegangan 25.5 bilion unit. Agihan ini merupakan jumlah pulangan sebanyak 4.75%, mengatasi penanda arasnya, iaitu pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada paras 2.46% sebanyak 229 mata asas. Sehingga 25 Ogos 2025, ASM 2 Wawasan mencatatkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM1.24 bilion.

Kuala Lumpur, 28 Ogos 2025: Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.18 bilion, bersamaan dengan 4.75 sen seunit, untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025.

Pengagihan pendapatan ini memanfaatkan 983,505 pemegang unit dengan pegangan 25.5 bilion unit. Agihan ini merupakan jumlah pulangan sebanyak 4.75%, mengatasi penanda arasnya, iaitu pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada paras 2.46% sebanyak 229 mata asas. Sehingga 25 Ogos 2025, ASM 2 Wawasan mencatatkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM1.24 bilion.

Di sebalik persekitaran pasaran ekuiti domestik yang mencabar, terutamanya pada separuh pertama tahun 2025, dengan FBM KLCI mencatatkan jumlah pulangan setahun sebanyak -3.5% (sehingga 26 Ogos 2025), ASM 2 Wawasan telah menunjukkan ketahanan dengan mengekalkan pengagihan kompetitif sebanyak 4.75 sen seunit, sama seperti tahun sebelumnya.

Prestasi dana ini mencerminkan pendekatan pelaburan berdisiplin PNB, strategi portfolio yang teguh, amalan pengurusan risiko yang kukuh, serta komitmen jangka panjang bagi menjana pulangan yang mampan. Kepelbagaian portfolio juga terus berkembang dengan baik, selari dengan Sasaran Perumpukan Aset Strategik dana, dengan peningkatan peruntukan kepada pendapatan tetap dan aset global.

Sebahagian besar pendapatan dana ini diperoleh daripada keuntungan direalisasi dan pendapatan dividen melalui portfolio yang pelbagai meliputi ekuiti domestik dan global. Bagi meningkatkan lagi ketahanan dan kepelbagaian portfolio, dana ini turut memperuntukkan sebahagian asetnya kepada pendapatan tetap, hartanah dan pelaburan ekuiti persendirian.

Pengiraan pengagihan pendapatan dan penangguhan urus niaga

Pengiraan pengagihan pendapatan ASM 2 Wawasan adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 2 Wawasan akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 September 2025.

Urus niaga bagi ASM 2 Wawasan di cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet, akan digantung sementara dari 30 hingga 31 Ogos 2025 bagi tujuan pengiraan agihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyambung semula urus niaga melalui portal myASNB (www.myasnb.com.my) dan aplikasi mudah alih myASNB mulai 1 September 2025 atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara mulai 2 September 2025.

Pelancaran Rasmi ASNB COVR semasa Fiesta Gen Labur di Merdeka Boulevard at 118

Berdasarkan prestasi positif ASM 2 Wawasan, ASNB terus memberi tumpuan kepada memperkenalkan penyelesaian yang dapat mengukuhkan daya tahan kewangan jangka panjang pemegang unitnya. ASNB COVR, sebuah pelan patuh Syariah yang menggabungkan pelaburan dalam dana amanah unit ASNB dengan perlindungan Takaful daripada Takaful Ikhlas Family Berhad, akan dilancarkan secara rasmi pada 30 Ogos 2025 semasa Fiesta Gen Labur di Merdeka Boulevard at 118. Ini menandakan salah satu inisiatif pertama di bawah visi jangka panjang ASNB untuk 'Kita Generasi Labur', sebuah inisiatif yang bertujuan untuk

membentuk generasi pelabur yang berdisiplin dari segi kewangan dan bersedia menghadapi masa depan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.asnb.com.my/V2/covr.php> atau ikuti saluran media sosial rasmi ASNB.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan)

ASM 2 Wawasan (dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020) merupakan unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 28 Ogos 1996. Ia adalah dana aset campuran/pendapatan sesuai untuk pelabur yang memahami hubung kait antara risiko dan pulangan pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) serta untuk menerima pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2025
Dana Harga Tetap



ASM 2 Wawasan



Jumlah Pengagihan


4.75
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2025 Dana Harga Tetap

Prestasi Terbaik dalam Tempoh 4 Tahun,
Mengatasi Pulangan Kadar Deposit Tetap



Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.